

# Pakaian Jeep jadi pilihan ramai

» Koleksi gaya era 1940-an dan 1950-an dipadankan dengan rekaan terkini

Oleh Badrul Kamal Zakaria  
badrulkamal@bharian.com.my

► Johor Bahru

**B**utik pakaian Jeep di pusat beli-belah Aeon Tebrau City, di sini, yang dibuka enam tahun lalu menjadi pilihan pelanggan yang menggemari pakaian rekaan terkini.

Pengurus Jordan Corporation Sdn Bhd, Niki Leng, berkata butik itu memiliki koleksi pakaian kasual yang diilhamkan daripada model Jeep terkenal iaitu 'Jeep Willys'.

Katanya, koleksi pakaian Jeep unik kerana mempamerkan pelbagai pakaian berkonsepkan gaya era 1940-an dan 1950-an tetapi dipadankan dengan rekaan terkini.

"Koleksi pakaian diberi nafas baru seperti ditonjolkan dalam koleksi Vintaj Jeep 2012. Ia kelihatan lebih segar dan sesuai dengan gaya hidup semua lapisan masyarakat masa kini yang aktif."

"Bertemakan Live Without Limits", setiap pakaian Jeep direka khusus



Yick Ming (kanan) dan Leng (dua dari kanan) bersama dua pekerja butiknya mempamerkan **rekaan terbaru** pakaian lelaki dan wanita jenama Jeep. (FOTO NUR AISYAH MAZALAN/BH)

kepada golongan yang sukakan cabaran, selain ia juga sesuai dengan gaya hidup bandar," katanya.

Leng berkata, selain berasaskan rekaan era berkenaan, Jeep juga tampil dengan pelbagai jenis produk seperti baju polo, baju T, seluar jeans, seluar pendek, kasut dan pelbagai aksesori.

"Pelbagai pilihan pakaian wa-

nita dan kanak-kanak juga dijamin kualitinya dan dijual pada harga berpatutan. Kami juga ada menjual pelbagai pakaian jenama terkenal lain," katanya.

Sementara itu Pengurus butik berkenaan, Lee Yick Ming, pihaknya menawarkan pelbagai pilihan dengan kualiti produk dijamin serta dijual pada harga ber-

patutan iaitu antara RM69 hingga RM300.

"Walaupun rekaan pakaian ini lebih kepada mereka yang gemarkan kehidupan penuh cabaran, Jeep turut menampilkan koleksi sama yang lebih istime-

wa untuk golongan wanita dan kanak-kanak," katanya.

Yick Ming berkata, butik itu juga menjual beberapa jenama terkenal lain termasuk Fraud, Biem dan Budweiser yang turut menawarkan pakaian yang sesuai untuk acara rasmi.



## Proses 3 tan keledak sebulan buat kerepek

**U**lu Tiram: Berbekalkan kesabaran mengusahakan rempeyek dan pelbagai makanan ringan secara tradisional, seorang suri rumah kini menjadi pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berjaya.

Ibu kepada enam anak, Jamilah Newriatin, 46, dari Kampung Lato, di sini, kini memerlukan bekalan keledak sehingga tiga tan setiap bulan untuk membuat cakar ayam dan kerepek.

Katanya, pada permulaan sekitar 1998, beliau hanya mengusahakan kerepek secara kecil-kecilan dengan menjadikan kawasan belakang rumah untuk memasak.

"Setahun selepas itu saya menerima bantuan Pertubuhan Per-

satuan Peladang (PPK), Johor Bahru Timur, membabitkan tiga mesin pemprosesan bernilai RM15,000, selain bangunan bernilai RM50,000 bagi memperbesar perniagaan.

"Sejak itu, saya tidak menoleh ke belakang lagi dan terus berusaha mengembangkan produk dengan membuat pelbagai jenis kerepek tradisional," katanya.

Bagi memenuhi permintaan tempatan, Jamilah berkata, beliau kini mempunyai empat pekerja apabila susah payah yang diharungi sebelum ini akhirnya memperoleh kejayaan apabila menjadi antara pengusaha IKS cemerlang.

"Malah, bagi memenuhi per-



Jamilah menunjukkan **kerepek dan rempeyek** yang dihasilkannya di Kampung Lato, Kong Kong Laut, Pasir Gudang. (FOTO YUSOFF AHMAD/BH)

mintaan pelanggan dan memastikan bekalan tidak putus, saya turut mengusahakan tanaman pisang dan keledak di tanah seluas 20 hektar di Kota Tinggi," katanya.

Jamilah berkata, dalam usaha

memastikan kualiti produk, pihaknya hanya memprosesnya mengikut tempahan atau keperluan bagi memastikan tidak disimpan dalam tempoh lama sehingga boleh menjejaskan kualitinya.

"Kerepek perlu dimakan dalam tempoh tertentu kerana jika disimpan lama rasanya tidak sedap dan kurang rangup. Perkara ini menjadi keutamaan saya supaya pelanggan berpuas hati," katanya.

### INFO

#### Pengeluaran sehari

- Rempeyek 50 kilogram
- Kerepek pisang 150 kilogram
- Baulu 200 kotak